

Press Clipping

Port Klang Free Zone

Publication: Utusan Malaysia
Ekonomi P. 20 (1 of 1)

Date: January 4, 2008

Visko labur RM30 juta di PKFZ

PELABUHAN KLANG 3 Dis. - Visko Industries Sdn. Bhd. (Visko), syarikat pengeluar pita pelekat akan melabur RM30 juta di Port Klang Free Zone (PKFZ)

Pengarah Urusan Visko, Judi Widjaya Leonardi berkata, syarikat akan membina kilang di kawasan itu dengan fasa pertama disasarkan akan beroperasi sepenuhnya pada suku ketiga tahun ini.

Syarikat itu juga akan melabur sebanyak RM60 juta dalam fasa kedua pelaburan di kawasan seluas 2 hektar di PKFZ menjelang tahun 2010.

Pengarah Urusan Visko, Judi Widjaya Leonardi berkata, langkah tersebut dibuat memandangkan PKFZ mempunyai potensi yang positif dalam mengembangkan pasaran mereka di rantau Asia Tenggara serta negara-negara ASEAN.

"Kita dapati kos operasi di PKFZ adalah rendah meliputi pengeluaran dan logistik.

"Selain itu, dengan kemudahan-kemudahan yang ada serta berdekatan dengan Pelabuhan Barat (Westport) yang terletak di laluan Selat Melaka yang strategik, ia

akan membolehkan kita muncul sebagai pengeluar pita pelekat utama di rantau ini," katanya kepada pemberita selepas majlis pecah tanah pembinaan kilang syarikatnya di Presin 8, PKFZ, di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengerus Besar, Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Datin Paduka O.C. Phang.

Pembinaan kilang tersebut merupakan salah satu daripada enam kilang Visko di rantau ini dengan dua daripadanya beroperasi di Indonesia, manakala tiga lagi di Taiwan sejak 25 tahun lalu.

O.C Phang pula berkata, pihaknya menetapkan sasaran penyertaan sebanyak 55 buah syarikat membabitkan jumlah pelaburan sebanyak RM610 juta pada suku keempat tahun ini.

Katanya, setakat ini sebanyak 39 buah syarikat telah menjalankan operasi mereka di PKFZ meliputi pelbagai sektor seperti industri, perdagangan serta logistik melibatkan pelaburan berjumlah RM72 juta sejak ia mula dibuka November tahun lalu.